



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
WAN NORDIN WAN ABDULLAH  
PEMBUAT REPLIKA PERKAPALAN DAN KAPAL LAYAR

OLEH:

NUR SHUHAILA BINTI MOHD SHUHAIMI (2022981617)  
WAN NUR AYUNI BINTI WAN MOHD ZAIN (2022748011)

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN

SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
WAN NORDIN WAN ABDULLAH  
PEMBUAT REPLIKA PERKAPALAN DAN KAPAL LAYAR

OLEH:

NUR SHUHAILA BINTI MOHD SHUHAIMI (2022981617)  
WAN NUR AYUNI BINTI WAN MOHD ZAIN (2022748011)

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

**Bismillahirahmanirrahim.**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi dengan limpah Rahmat serta nikmatnya, dapat kami siapkan tugasan transkrip ini dengan jayanya.

Pertamanya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami, Puan NurulAnnisa binti Abdullah, kerana dengan tunjuk ajar beliau sepanjang semester ini dapat memberi peluang kepada kami untuk menyiapkan tugasan transkrip ini.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa kami yang banyak memberi semangat serta idea dalam menjayakan transkrip ini. Mereka telah memberikan kami segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai kami berjaya menghabiskan tugasan ini.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan rakan yang banyak memberi idea dalam menyiapkan sesi temubual serta transkrip ini.

Terima kasih juga kami ucapkan kepada tokoh temubual kami, Encik Wan Nordin Wan Abdullah, kerana telah meluangkan masa beliau untuk membantu kami dalam menyiapkan tugasan ini pada semester ini.

Akhir madah, ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah terlibat, sama ada secara langsung atau sebaliknya, dalam pembikinan tugasan ini. Terima kasih.

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

*Kajian ini menunjukkan tentang keunikan tentang seni ukiran replika perkapalan, yang telah berkembang sejak lebih dari 20 tahun. Teknik ukiran ini dilakukan secara manual sepenuhnya dari permulaan proses penyiapan sehingga ke proses terakhir yang mana dapat menghasilkan sebuah replika kapal tersebut. Seni ukiran ini dilakukan dengan penuh ketilitian supaya ianya dapat menghasilkan karya yang kemas serta cantik dipandang. Walaupun seni ukiran replika kapal ini semakin kurang mendapat perhatian daripada generasi muda, kekuatan semangat jiwa serta minat yang mendalam dapat menjadikan seseorang menjadi mahir dalam menghasilkan pelbagai jenis replika kapal. Tambahan pula, replika kapal tersebut dihasilkan sepenuhnya daripada kayu dan tiada sebarang barang kitar semula digunakan bagi mengekalkan kecantikan tersendiri replika kapal tersebut. Penyelidikan ini menggunakan metodologi sejarah lisan, yang mana memaparkan temu bual bersama tokoh yang berpengalaman luas dalam bidang replika perkapalan, Encik Wan Nordin Wan Abdullah yang berasal dari Pulau Duyong, Terengganu. Kajian ini memfokuskan tentang pengalaman, cabaran, serta harapan beliau dalam bidang ini.*

*Kata kunci: Replika perkapalan, seni ukiran, keunikan, Encik Wan Nordin Wan Abdullah, Pulau Duyong*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>
Penghargaan.....	i-ii
Abstrak.....	iii-iv
Isi Kandungan.....	v-vi
Biodata Tokoh.....	vii-viii
Pengenalan.....	ix-x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01-04
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	05-06
Bahagian 3: Bidang Kerjaya Awal.....	07-08
Bahagian 4: Bidanag Kerjaya Semasa.....	09-15
Bahagian 5: Bengkel.....	16-23
Bahagian 6: Cabaran.....	24-25
Bahagian 7: Sumbangan danPencapaian.....	26-27
Bahagian 8: Nasihat dan Harapan.....	28-31
Lampiran	
Log Wawancara.....	33-37
Diari Kajian.....	38-40
Senarai soalan.....	41-48
Surat Perjanjian.....	49-50
Gambar.....	51-60
Indeks.....	61-63

# **BIODATA TOKOH**

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA RINGKAS**

**WAN NORDIN WAN ABDULLAH**

**PEMBUAT REPLIKA PERKAPALAN DAN KAPAL LAYAR**



Nama	Wan Nordin bin Wan Abdullah
Nama samaran	Ayah Wan/ Pak Hasyim
Tarikh lahir	1955
Umur	68 Tahun
Tempat lahir	
Alamat	
No telefon	
Profesion	Kapten kapal dan pembuat replika kapal layar
Bilangan anak	6

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Salah satu kesenian tradisional Melayu ialah ukiran kayu yang melibatkan papan kayu untuk menghasilkan replika. Ukiran replika perkapalan merupakan satu warisan yang sangat berharga. Ukiran replika ini lebih tertumpu pada masyarakat setempat. Hal ini kerana, pada zaman dahulu, masyarakat melayu lebih cenderung untuk melakukan aktiviti yang berkaitan dengan seni ukiran berbanding dengan masyarakat lain. Dengan ini, ia dapat dibawa sehingga ke hari ini yang mana dapat menunjukkan kepada generasi muda bahawa seni ukiran replika ini mempunyai tarikannya tersendiri.

Seni ukiran replika ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah, terdapat pelbagai aspek yang perlu dititiberatkan dalam memastikan setiap elemen penting yang membawa maksud tersendiri dapat diadaptasikan dalam menghasilkan sesebuah replika. Proses penyiapan replika kapal ini hendaklah diteliti sejak dari proses pertama sehingga ke titik akhir penyiapan supaya ianya dapat menghasilkan replika yang kemas. Ditambah pula dengan hasil tangan sepenuhnya, tanpa bantuan mesin telah menjadikan replika ini lebih tampak mahal serta unik dari yang biasa. Antara alat yang biasa digunakan ialah seperti pahat, tukul, gergaji, dan lain lain. Kertas pasir juga digunakan bagi membuatkan permukaan kayu itu terlihat licin serta kemas.

Terdapat pelbagai saiz yang mampu dihasilkan oleh seorang pembuat replika kapal, dari saiz yang kecil, sehingga saiz yang besar. Tambahan pula, setiap replika kapal yang dihasilkan mempunyai nama tersendiri dan ianya membawa maksud tersendiri.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni replica perkapalan. Bersama-sama kami ialah Encik Wan Nordin Wan Abdullah yang merupakan seorang pembuat replica perkapalan serta kapal layar yang telah berpengalaman selama lebih 30 tahun. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 20 Mei 2023, bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 2 petang di Pulau Duyong, Terengganu. Temubual ini dikendalikan oleh Wan Nur Ayuni binti Wan Mohd Zain dan Nur Shuhaila binti Mohd Shuhaimi. Dengan segala hormatnya, temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

WNWA: Wan Nordin Wan  
Abdullah  
WA: Wan Ayuni  
SS: Shuhaila Shuhaimi

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

WA : **Bolehkah kami tahu nama penuh encik dan nama samaran encik?**

WNWA : Nama penuh Wan Nordin bin Wan Abdullah. Nama samaran saya Pak Hashim ataupun ayah Wan.

WA : **Berapakah umur encik pada tahun ini?**

WNWA : Kena kira saya lahir tahun 1955, boleh kiralah.

WA : **Bolehkah kami tahu nama isteri encik?**

WNWA : Isteri saya dah meninggal, nama dia Normah binti yusof.

WA : **Siapakah nama ibu bapa encik?**

WNWA : Bapa saya nama Wan Abdullah bin chik, ibu saya Wan Fatimah binti Yahya.

WA : **Dari negeri manakah ibu dan bapa encik berasal?**

WNWA : Dari Terengganu.

WA : **Berapakah bilangan adik beradik beradik encik?**

WNWA : Bilangan adik beradik lapan orang.

WA : **Encik merupakan anak ke berapa di antara adik beradik encik?**

WNWA : saya anak ketiga.

WA : **Adakah encik mempunyai adik beradik yang paling rapat?**

WNWA : semua kita kira paling rapat.

WA : **Berapakah bilangan anak anak encik?**

WNWA : anak saya lima orang.

WA : **Adakah anak anak encik masih tinggal bersama encik?**

WNWA : satu orang saja tinggal dengan saya, bongsu.

WA : **Apakah makanan kegemaran encik?**

WNWA : suka semua (*ketawa*) makanan melayu.

WA : **Dimanakah tempat kelahiran encik? Adakah encik berasal dari negeri Terengganu ataupun encik telah berhijrah dari negeri lain?**

WNWA : saya memang berasal negeri Terengganu, saya lahir di Pulau Duyung pulau ni [ini].

WA : **Bolehkah encik senaraikan nama anak anak encik?**

WNWA : anak saya yang pertama Wan Nur Dila [D-I-L-A] binti Wan Nordin, lepas tu yang kedua Wan Nur Hazir, lepastu Wan Nur Hazia dia ni kembar dua ni seorang laki seorang Perempuan. Lepas tu [itu] satu lagi Wan Nur Ferza. Satu lagi tu dia tak [tidak] Wan lah sebab anak angkat saya, dia nama Nur Fatin

Solehah anak angkat saya ambil dari kecil dan dia sorang masih duduk dengan  
saya dia salah seorang atlet negara.

WA : **Adakah adik beradik encik tinggal di kawasan sekitar atau di negeri lain?**

WNWA : adik beradik cuma sorang je [sahaja] tinggal di Kuantan yang lain ada di  
kawasan Terengganu la.

#### **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

WA : **Tahun bilakah encik memulakan persekolahan?**

WNWA : (*Ketawa*) tak [tidak] ingat dah [sudah] kena kira dari awal semula mungkin dalam awal tahun 70 [1970] macam tu.

WA : **Apakah matapelajaran yang encik minati semasa di sekolah rendah?**

WNWA : Lukisan la (*ketawa*).

WA : **Adakah encik masih mengingati guru kegemaran encik sewaktu di sekolah dan mengapa encik meminati beliau?**

WNWA : Saya tak [tidak] ingat, dah tak [tidak] ingat (*ketawa*).

WA : **Adakah encik mempunyai rakan karib semasa di sekolah dan adakah encik masih berhubung dengan beliau?**

WNWA : Rakan karib ramai, tapi tak [tidak] berhubung la masing-masing tak[tidak] tahu mana pergi la (*ketawa*).

WA : **Adakah encik pernah menceburi bidang sukan semasa di sekolah? Jika pernah apakah sukan yang encik ceburi?**

WNWA : Memang saya seorang atlet la dalam bidang sukan-sukan sekolah. Saya masuk bola sepak, sepak takraw, basketball, ping pong dan lari bahagian sukan tu la, lari-lari.

WA : **Adakah encik masih ingat dimanakah encik bersekolah? Jika ya, bolehkah encik senaraikan nama-nama yang pernah encik bersekolah?**

WNWA : Sekolah rendah di sekolah Kebangsaan Duyong. Sekolah menengah di sekolah Panji Alam.

WA : **Apakah kenangan manis yang paling diingati oleh encik ketika di peringkat sekolah menengah?**

WNWA : (*ketawa*) tak [tidak] tahu. Kenangan manis masa tu [itu] kita menang dalam kejohanan bola sepak antara sekolah-sekolah tu [itu] saja [sahaja].

WA : **Adakah cita-cita encik ketika di zaman persekolahan?**

WNWA : Semasa dulu-dulu memang kita tak [tidak] tahu, tak [tidak] ada cita-cita pun.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### **BAHAGIAN 3: BIDANG KERJAYA (AWAL)**

- WA : **Adakah encik mempunyai kerjaya lain sebelum menceburi bidang ini?**
- WNWA : Ya, saya ada kerjaya la makna saya dulu sebagai pernah menjadi kapten satu Syarikat Hyundai dalam satu boat [kapal] dia la sebelum tu memang banyak dalam saya kerja saya buat replika banyaklah kalau nak dicerita tu kerja yang lama-lama tu.
- WA : **Berapakah umur encik ketika itu?**
- WNWA : Saya tak [tidak] ingat dah. Dalam umur 30 lebih la saya rasa, saya pun tak [tidak] ingat dah [sudah].
- WA : **Mengapakah encik memilih untuk bersara dari pekerjaan yang sebelum ini?**
- WNWA : Sebab saya ni [ini] cuma kerja macam kontrak, saya yang last sekali saya kerja dengan banyaklah dengan Monsun Cup event last sekali saya ambil Duyong Marine Resort itu last sekali tahun 2017 saya kira dah [sudah] penced la.
- WA : **Adakah encik mempunyai sebarang kenangan manis ketika bekerja di situ?**
- WNWA : Tu [itu] banyak la kenangan yang tak [tidak] boleh nak cerita la (*ketawa*) dan pernah pun jadi dan pernah kerja dengan United Nation sebagai pembawa boat [kapal] banyak la kalau nak kira tu dok [tidak] leh [boleh] nak cerita, lama, banyak kenangan.

WA : Apakah jawatan yang encik sandang ketika bekerja di sana?

WNWA : Sebagai kapten boat [kapal] gitu [begitu] la.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: BIDANG KERJAYA (SEMASA)**

- WA : **Sejak bilakah encik menceburi bidang pembuatan replika kapal layar?**
- WNWA : Dia macam ni [ini], saya ingat saya sebelum menceburi bidang ni [ini] saya berlayar dulu sebab pada suatu masa dalam tahun 70 [1970] tempat kita ni [ini], di Pulau Duyong tempat yang termasyur pembuatan kapal-kapal layar, kapal layar melayu dan kapal layar Eropah jadi saya bekerja dengan orang putih biasanya la, jadi apabila kapal dia siap kita pergi buat sea trial [pandu uji] contoh nak pergi Thailand lepas tu [itu] habis siap semua ada tempahan lagi kita kerja lagi makna banyak-banyak orang kita kerja pergi Singapore apa mana-mana. Lepas tu [itu] apabila tahun 1980 lebih la tahun 87 [1987] atau 88 [1988] saya mula bergiat buat slow-slow sebab kita dah [sudah] ada pengalaman dalam bidang pelayaran jadi kita boleh buat la.
- WA : **Sejak bilakah encik sedar bahawa encik mempunyai bakat dalam bidang tersebut?**
- WNWA : Sejak dari kecil keturunun saya seorang pelayar.
- WA : **Berapa lamakah masa yang diambil oleh encik untuk mahir dalam bidang ini?**
- WNWA : Saya memang tak [tidak] tahu mahir, jadi kita start buat tu [itu] ikut buat sesuka hati, tapi [tetapi] untuk buat ni [ini] memang makan masa juga la.
- WA : **Apakah replika pertama yang encik hasilkan?**
- WNWA : Replika yang pertama saya buat, saya cuma belajar buat orang England yang beli, itu lah kapal pertama yang kita buat.

WA : **Dari manakah encik mendapat inspirasi untuk menghasilkan replika pertama encik?**

WNWA : Sebab dia orang mari buat kapal layar yang besar tempahan jadi kita kerja sambil kita kerja maknanya kita dah berkawan daripada semasa kita berlayar la. Maknanya kalau kita nak buat apa-apa jenis kapal yang kita mahu sudah masuk dalam alam dia boleh lah.

WA : **Berapa lamakah masa yang diambil untuk menghasilkan replika pertama encik?**

WNWA : Masa tu tak [tidak] ingat dah [sudah], biasanya kalau saya buat contohnya dalam kalau kapal-kapal besar-besar yang belakang tu [itu] selama dulu la sebulan sehingga sebulan setengah sebab yang tu [itu] lain kalau yang ni [ini] yang belakang tu [itu] makan masa lama la itu selama lima bulan saya buat sebab kita buat ni [ini] yang tu [itu] memang macam buat asal tapi dia kecil (*sambil menujuk ke ruang bengkel tersebut*).

WA : **Tahun berapakah pada ketika itu?**

WNWA : Yang pertama saya ingat, saya buat mungkin tahun 87 [1987] ataupun 88 [1988] macam tu [itu]la. Masa tu [itu] saya lahir anak pertama perempuan saya mula buat.

WA : **Adakah encik memulakan karier seni di Pulau Duyong atau ditempat lain?**

WNWA : Ya, di Pulau Duyong

WA : **Siapakah yang mendorong encik untuk terus menghasilkan replika replika sehingga kini?**

WNWA : Keluarga saya la .

WA : **Berapakah anggaran harga untuk setiap replika yang encik hasilkan?**

WNWA : Kalau zaman masa dulu [dahulu] dalam harga tak [tidak] mahal dalam lima ratus saja [sahaja], tapi [tetapi] kalau nak banding sekarang kita buat besar-besar mungkin dalam tiga ribu lima ratus tu [itu] bezanya.

WA : **Apakah perbezaan kayu yang digunakan dalam setiap replika encik?**

WNWA : Kita ada dua jenis kalau kita buat cara yang macam yang atas yang sudah bercat tu [itu] kita guna kayu jelutong, kalau kita buat moden betul kayu chengal.

WA : **Berapakah anggaran modal yang encik tetapkan dalam hasil replika encik? Adakah ia berbeza mengikut saiz kayu, jenis kayu, dan komponen lain yang diperlukan?**

WNWA : Kita bagi dia sebab kita nak buat yang jenis macam ni [ini] harga macam ni [ini], jenis macam ni [ini] harga macam ni [ini] depent [terpulang] pada tu la saiz dia, jenis kayu apa.

WA : **Adakah encik pernah melakukan pandu uji kapal encik di mana?**

WNWA : Ya, pernah. Pernah maksud saya la kalau macam mat salleh buat boat [kapal] kita buat sea trial [pandu uji] pergi Thailand ke kadang-kadang pergi hantar maksud kita bukan seorang bersama-sama dia la makna saya terlibat juga.

WA : **Adakah encik pernah mendapat tempahan tetapi dibatalkan pada saat akhir? Apakah yang encik lakukan?**

WNWA : Ada juga sebab saya ni [ini] biasanya tak [tidak] ambil duit deposit, tapi [tetapi] pernah sekali dua la.

WA : **Semasa menerima tempahan, adakah encik mengambil wang pendahuluan?**

WNWA : Tak [tidak] juga. Sebab gini [begini] sebab apabila orang tempah pada kita kalau kita ambil deposit kita terpaksa buat kalau kita tak [tidak] ambil duit deposit maknanya orang suruh buat kita buat maknanya kalau tak [tidak] ambil tu kita akan siap satu kalau tak [tidak] ambil duit deposit ni [ini] kita tak [tidak] payah kerja sebab kerja seni ni [ini] makan masa la macam tu la cara saya bekerja.

WA : **Apakah replika terbesar yang encik pernah lakukan?**

WNWA : Replika yang terbesar yang ini la saya pernah buat tapi kalau yang betul pun ada lagi yang besar biasa dulu saya terlibat dengan Pine Wood Malaysia Production Filem pernah terlibat saya membuat tiga buah boat [kapal] sampan la kira sampan untuk dia sebab dia orang nak berlakon Itulah yang paling besar la.

WA : **Adakah encik membuat pandu uji kapal boat yang encik buat untuk production itu?**

WNWA : Tak [tidak] sebab kita buat untuk dia berlakon dia bagi saiz-saiz kita buat masa tu [itu] dia buat filem The Adventure of Marco Polo.

WA : **Bolehkah encik menerangkan setiap komponen yang digunakan dalam hasil replika encik?**

WNWA : Memang dia satu-satu buah replika contohnya yang belakang dia mesti ada dapur untuk memasak, dia ada kabin untuk tidur dan dia ada banyak la peralatan untuk safety pam air semua tempat simpan barang jadi banyak la dia memang setiap boat [kapal] komponen-komponen dia berbeza-beza (*sambil menujuk ke ruang bengkel tersebut*).

WA : **Adakah encik pernah menerima tempahan dari luar negara?**

WNWA : Saya pernah terima tempahan daripada luar negara makna dari Australia ada, New Zealand ada, Amerika ada, French ada, Jerman ada last sekali South Africa saya ingat.

WA : **Berapakah jenis jenis kapal layar yang terdapat di sini?**

WNWA : Dia gini [begini] kalau kapal layar ni [ini] contohnya dia macam belakang tu [itu] macam ada nama tu [itu] ada jenis perahu layar kita panggil benda ni [ini] perahu-perahu digunakan orang pada masa itu untuk nelayan tu [itu] dipanggil perahu nelayan kalau macam belakang tu [itu] dikira untuk perahu pengangkutan laut (*sambil menujuk ke ruang bengkel tersebut*).

WA : **Apakah replika yang paling digemari encik sepanjang tempoh kerjaya encik?**

WNWA : Saya gemari yang belakang itu dipanggil perahu besar negeri Terengganu abad ke-18 (*sambil menujuk ke ruang bengkel tersebut*)

WA : **Berapakah anggaran kapal yang mampu disiapkan dalam tempoh 6 bulan?**

WNWA : Wah, tu [itu] kira macam terpulang pada jenis-jenis la, kalau yang saiz besar tu [itu] enam bulan tu tak [tidak] boleh nak kira (*ketawa*) terlalu banyak kita tak [tidak] tahu tempahan cara yang macam mana contoh macam yang atas tu [itu] lima hari satu biji jadi kita tak [tidak] kira sebab dia banyak kita banyak jenis yang lima hari ada, dua minggu ada yang satu bulan ada terpulang pada saiz

WA : **Berapa tahunkah encik berkecimpung dalam dunia seni replika ini?**

WNWA : Dalam 37 tahun

WA : **Dalam proses menghasilkan replika encik, pada pukul berapakah encik memulakan proses tersebut?**

WNWA : Biasa saya buat kerja, saya start makna sistem saya pukul 7.30 pagi saya dah mula tapi [tetapi] kalau petang sekarang saya kurang sikit sebab terlalu panas biasa kerja-kerja ni tak [tidak] kira masa sampai pukul 12 sampai pagi pun ada.

WA : **Adakah encik mempunyai sebarang gambar kenangan apabila hasil replika encik diterokai oleh orang luar?**

WNWA : Gambar kenangan memang saya tak [tidak] ambil gambar masa tu [itu], masa zaman-zaman tu [itu] mana ada kamera lagi.

WA : **Adakah kerjaya encik ini sememangnya bermula dari encik ataupun ianya hasil warisan turun temurun dari keluarga?**

WNWA : Saya ingat kalau kerja saya ni [ini] tak [tidak] ada hasil turun temurun, Cuma keturunan saya seorang pelayar dulu zaman-zaman dulu tapi [tetapi] daripada keturunan seorang pelayar jadi dapat buat.

WA : **Adakah adik beradik encik turut terlibat dalam bidang yang sama? Jika ada, berapa orang yang terlibat?**

WNWA : Tak [tidak] ada, saya seorang saja [sahaja] la

WA : **Adakah encik pernah berpengalaman mempunyai masalah kewangan ketika menyiapkan replika encik?**

WNWA : Buat masa ni [ini] tak [tidak] ada masalah.

WA : **Dimanakah tempat yang paling digemari ketika encik menjalankan pandu uji kapal encik?**

WNWA : Saya tak [tidak] pernah pandu uji disini biasa dari Terengganu ke Thailand kadang-kadang Terengganu ke Singapore ke Indonesia gitu [begitu] la.

WA : **Adakah encik menggunakan sebarang barang kitar semula dalam menyiapkan kapal?**

WNWA : Tak [tidak] ada semua berasal dari [daripada] kayu-kayu.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

## BAHAGIAN 5: BENGKEL

SS : Untuk bengkel encik ini, adakah encik pernah menerima kunjungan atau lawatan dari pihak luar untuk datang ke bengkel?

WNWA : Ya, pernah

SS : Selalunya dari pihak media?

WNWA : Pihak media pun ada, student [pelajar] pun ada.

SS : Berapakah kos yang encik keluarkan untuk membina bengkel ini?

WNWA : Untuk kedai ni saya sewa, yang sebelah tu [itu] kita baiki -- Kita sewa kedai dulu, dulu saya ada bengkel sendiri, kita sewa la kedai.

SS : Kiranya encik mendapat pinjaman dari pihak bank ataupun kewangan sendiri?

WNWA : Semua wang sendiri.

SS : Okey, adakah encik membuka sebarang kursus untuk menyertai cara pembuatan replika untuk orang ramai?

WNWA : Buat masa sekarang, saya mengajar budak budak [pelajar] UMT [Universiti Malaysia Terengganu].

Kalau dia [pelajar] amik dalam mata pelajaran marin, dia [pelajar] belajar belayar. Dengan buat replika,tapi buat masa sekarang, belajar berlayar saya dah [sudah] tarik diri, dah [sudah] tak larat, mengajar buat replika saja [sahaja] , ada di belakang sana barang barang yang dia [pelajar] buat (*sambil menujuk ke ruang bengkel tersebut*), saya mengajar tiap tiap hari rabu dengan hari khamis. Pagi dan petang.

SS : **Berapakah kursus yang encik tawarkan di bengkel encik, satu subjek ke?**

WNWA : Tak tak [tidak tidak], Saya tak [tidak] kira apa apa. Maknnya kalau orang nak belajar kursus tapi saya tak [tidak] tawar, orang yang mari [datang] (ke bengkel). Kita tak pandai nok [nak] tawar tawar ke orang (*ketawa*) dok pandai [tak pandai], tapi kalau nak belajar mari [datang] la.

SS : **Kiranya student (pelajar) UMT tu (itu), datang sendiri?**

WNWA : Datang sendiri, maknanya saya dah [sudah] terikat dengan dia. Macam dulu saya pernah duduk di bawah Yayasan Diraja Sultan Mizan untuk membuat replika tapi [tetapi] saya mengajar selama tiga tahun saja. Sebab satu sesi setahun setengah, dua sesi tiga tahun. Selepas tu, takdak [tiada] budak-budak [pelajar] nak masuk kursus, Sebab Yayasan [Yayasan Diraja Sultan Mizan] bagi elaun pada [kepada] budak [pelajar] itu tapi budak-budak [pelajar] tak minat, buat masa sekarang mmg budak [pelajar] tak minat. Tapi bahagian lain ada. Saya duduk di bawah Yayasan [Yayasan Diraja Sultan Mizan] mungkin dalam sepuluh atau lapan bahagian, tapi bidang lain ramai orang minat, bidang ni budak tak [tidak] minat. Taktahula, [tidak tahu] mungkin susah sikit. Sebab saya dok [sedang] nampak kalau orang nak carving [ukiran], buat ukir kayu,

atau buat ayat al - quran, macamtu [seperti itu], cuma dia pahat dengan tukul. Yang kita takboleh [tidak boleh], kena start [mula] dari A sampai Z, mungkin salah satunya tu [itu].

SS : **untuk yang sertai kursus itu, encik ada tawarkan harga yang ditetapkan tak?**

WNWA : Saya tak [tidak], Itu atas diorang nak beri atau nak sedekah. Pernah orang buat filem kat saya., tapi saya tak [tidak] sebut harga, tapi itu atas awak la, takde [tiada] kita tak [tidak] pernah.

SS : **jumlah pelajar yang datang ke bengkel?**

WNWA biasanya, satu sesi tu [itu] enam puluh orang, tengokla kalau akhir tahun berapa orang, tapi memang lebih kurang macam tu lah, enam puluh, lima puluh (jumlah pelajar).

SS : **kiranya takda [tiada] jumlah yang tetap?**

WNWA : ya takda[tiada] yang tetap, sebab untuk pelajar kan, kalau dia amik bahagian marin, tapi tahun ni [ini] kurang tahun ramai, dia bercampur la ada melayu ada india cina, semua ada.

SS : **Tahun bilakah encik membuka peluang kepada masyarakat untuk belajar seni replika kapal?**

WNWA : tahun berapa ye [ya] tak ingat (*ketawa*)(*sambil berfikir*) tak [tidak] ingat lah tahun berapa.

SS : **agak agak dalam 5 [lima] tahun?**

WNWA : nanti dulu, dalam tahun dua ribu empat belas rasanya, seingat dulu.

SS : **Berapakah anggaran umur peserta atau pelajar yang encik terima untuk mengikuti kursus di bengkel encik?**

WNWA : Tak kisah, umur tak [tidak] kisah (*ketawa*), bukan lah maksud tak [tidak] kisah, maknanya dalam umur lapan belas ke atas kiranya, dalam budak budak [pelajar] universiti, asalkan nak [hendak] belajar.

SS : **Bagaimanakah encik membahagikan para peserta dalam setiap kursus? Maksudnya encik buat kumpulan secara rawak atau mengikuti peringkat umur?**

WNWA : Macam yang saya mengajar sekarang ni, dia enam puluh orang, dia [pelajar] akan buat satu replika lima orang. Kiranya itu bukan saya yang buat tu [itu] (*sambil menunjuk ke arah replika*) maknanya dari UMT (Universiti Malaysia Terengganu) la “okay saya nak buat kapal ni [ini], lima orang.” Sebab kalau enam puluh orang, gila. Satu orang satu (replika) (*ketawa*).

SS : **Adakah encik mempunyai tenaga pengajar yang lain. Ataupun encik seorang saja?**

WNWA : biasanya saya seorang saja, tapi biasanya saya ada pembantu saya, perempuan daripada SYRIA dia yang berminat, ada kalau tiap tiap hari rabu, hari jumaat dia mari la bantu saya.

WNA : **kiranya dia menetap di sini ke?**

WNWA : dia buat masa sekarang dia menetap di sini, dia sebagai seorang guru. Guru sekolah tahniz. Jadi hari hari minggu, hari hari dia free [lapang] baru dia belajar dengan saya. Seingat saya dia belajar dengan saya lebih kurang tiga tahun.

SS : **Adakah encik mengadakah kelas bengkel encik setiap hari minggu atau pada hujung minggu sahaja?**

WNWA : Kalau contoh awak nak belajar, awak yang buat masa, pelajar yang ditetapkan, lepastu saya adjust [melaraskan] la, kalau tak boleh [tidak boleh] ke, kalau boleh, boleh. Biasa macam tu [itu] lah.

SS : **So, [jadi] selalunya dalam satu kelas tu, berapa tempoh masa?**

WNWA : Kalau yang UMT (Universiti Malaysia Terengganu) ni, selama lebih kurang dua bulan hingga tiga bulan. Dia selagi tak siap boat [kapal] dia. Sebab yang dulu kita buat siap dalam tiga bulan.

SS : **kiranya kalau sekali datang, berapa jam?**

WNWA : kalau mula pukul sembilan, habis pukul dua belas. Pukul dua, habis enam setengah, anggaran tiga ke empat jam

SS : **Adakah encik membuat kelas tersebut di bengkel ataupun di tempat lain?**

WNWA : Ya di bengkel ini.dulu saya pernah buat di UMT (Universiti Malaysia Terengganu), buat di bengkel, tapi dia (Universiti Malaysia Terengganu) tak cukup peralatan.

SS : **Adakah bengkel encik menyediakan alatan atau pelajar sendiri kena sediakan?**

WNWA : Ya. Saya sendiri yang menyediakan alatan, alatan saya.

SS: **Bagaimanakah perasaan encik sekiranya ada pelajar encik yang mengikuti**

**jejak langkah encik sebagai seorang pembuat replika seni?**

WNWA : Memang saya rasa bangga lah, sebab kalau takde [tiada] saya, takde [tiada] dah [sudah] la bengkel ni [ini].

SS : **Adakah encik yakin dan percaya hasil replika yang dihasilkan oleh pelajar encik dapat dimasukkan dalam pasaran setanding dengan pengreplika yang sudah berpengalaman?**

WNWA : Gini [Begini], kalau setakat nak [hendak] belajar buat replika ni untuk dua ke tiga bulan, tak [tidak] boleh lagi pergi pasaran, Cuma untuk tahu bagaimana untuk buat boat [kapal], tahu basic [asas] je, kalau pasaran saya rasa takde [tiada] lagi lah.

SS : **Mengapakah encik memilih lokasi untuk mendirikan bengkel di sini? Apakah ciri ciri strategik yang ada disini sehingga encik memilih lokasi ini sebagai lokasi bengkel encik?**

WNWA : Di kampung saya kebetulan ada tempat, dulu bengkel saya dalam air (atas air) daripada rumah saya ni, saya buat jeti panjang 100 kaki panjang, saya buat platform. Tapi susah orang nak mari, naik jeti tu, jadi kita pilih tempat ni okay lah. Maknanya kita sewa la dengan bandaraya tempat ni. Macam atas ni tusyen bawah ni tusyen juga ni, dulu anak anak saya la mengajar.

#### **TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: CABARAN

- SS : Okay soalan seterusnya tentang cabaran, apakah pandangan dan penerimaan orang di sekeliling ketika encik berniat untuk membuka bengkel ini?
- WNWA : Takde [tiada] pape [apa] ,takde [tiada] halangan.
- 
- SS : Semasa pandu uji, pernahkah encik berpengalaman terjadinya kemalangan kecil atau besar? Jika ya, bolehkah encik ceritakan pengalaman tersebut.
- WNWA : Takde [tiada] lagi la, cuma kalau laut ni ombak deras ribut macam tu [itu] la, kemalangan takdak [tiada] lagi setakat ni [ini].
- 
- SS : Adakah encik mempunyai sebarang insiden yang tidak diingini ketika menghasilkan replika seperti kayu yang digunakan tidak bersesuaian dengan saiz replika tersebut?
- WNWA : Takda [tiada] la. Sebab replika ni [ini] kita banyak guna manual, mesin pun [juga] ada, tapi takda [tiada] lagi la (kemalangan kecil) sikit sikit tu [itu] biasa lah.(ketawa).
- 
- SS : Adakah pelajar pelajar di bengkel encik senang untuk menerima konsep pelajaran dan pembelajaran yang encik gunakan dalam mengajar mereka?
- WNWA : Memang senang, kita buat cara senang, senang difaham.

- SS : **Kalau ada kemalangan pada student [pelajar], maksudya bila dia sedang buat, ada luka kecil, jadi encik akan tanggung atau diorang [Mereka] sendiri tanggung?**
- WNWA : Tapi setakat ni takde [tiada] lagi, Cuma sikit sikit tu [itu] biasalah, sikit sangat (*ketawa*) kecil kecil saja, sebab biasanya kalau barang yang patut guna mesin tu, saya tak [tidak] bagi guna mesin, Contohnya, dia nak [hendak] licinkan barang dia, dia boleh guna sand wood machine [mesin kayu pasir], kita buat dengan sand paper [kertas pasir] je, kita kurang bagi la mesin mesin ni. Manual je [sahaja] kita bagi. Pasal diorang [mereka] kan pertama kali.
- SS : **Masa encik berurusan dengan orang luar, adakah mempunyai sebarang masalah?**
- WNWA : Takde [tiada].
- SS : **Ataupun mempunyai masalah komunikasi? Sebab diorang [mereka] cakap bahasa inggeris.**
- WNWA : Bolehlah sikit-sikit (*ketawa*).
- SS : **Ada orang perantaraan ke?**
- WNWA : Takde takde [tiada], saya sendiri la.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

#### **BAHAGIAN 7: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN**

- SS : Sekarang bahagian sumbangan dan pencapaian, adakah encik terlibat dalam sebarang persatuan mengenai seni replika ini?
- WNWA : Saya duduk di bawah kraf tangan, Negeri Terengganu
- SS : Adakah encik terlibat aktiviti penghasilan replika kapal layar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa?
- WNWA : Antarangbangsa belum lagi, biasa kita selalu buat kebangsaan, macam hari kraf semalaysia
- SS : Ataupun sebarang pertandingan yang melibatkan seni kapal layar?
- WNWA : kalau pertandingan replika takde [tiada], kalau pertandingan kapal layar saya pernah pergi ke Asia Match Racing
- SS : Pertandingan tu encik masih aktif atau tidak ?
- WNWA : Ha takde dah, sekrang banyak penceran dah, duduk saja saja, dulu saya banyak pertandingan, monsum cup, sijil sijil saya, (*sambil menujukkan ke arah sijil beliau*) asia, banyak la terlibat
- SS : Apakah pencapaian tertinggi encik pernah kecapi ketika menyertai pertandingan?

WNWA : Kita pernah satu pertandingan, saya pernah jadi johan, itu dipanggil Colonial cup, Colonial cup ni dia macam cup diraja lah saya negeri Terengganu bersama Tuanku Sultan Mizan [sultan Negeri Terengganu] (*sambil menunjuk ke arah gambar kenangan*) saya pernah juara la , itu sekali lah (*ketawa*) itu yang paliing tinggi lah, kalau macam asia tu tak tinggi lah, kita boleh masuk ke asia tu ok lah

SS : **Berapakah harga replika termahal yang encik hasilkan?**

WNWA : Yang ni yang dibelakang ni (*sambil tunjuk*), harga dia lima belas ribu. Yang sebelum ni saya ada jual, kecik sikit daripada ni, yang ni empat kaki saya buat dalam tiga kaki setengah, saya pernah jual keapda sultan Selangor, itulah yang paling mahal buat harini

#### **TAMAT BAHAGIAN 7**

## BAHAGIAN 8: NASIHAT DAN HARAPAN

- SS : Sekarang bahagian nasihat dan harapan, apakah harapan encik terhadap seni replika pada masa akan datang?
- WNWA : Allah, (*ketawa*) waktu harapan nak cerita tak kena dah (*ketawa*). untuk saya, mungkin pupus la, kalau takde [tiada] orang amik , sama jugak dengan belayar perahu perahu ni, saya ingat perahu yang belakang tu [itu] berlayar, ini dipanggil perahu tradisional, maknanya saya generasi yang terakhir untuk nak ceritakan perahu ni, nak mengendalikan perahu ni, saya generasi yang terakhir la, pasal takdak [tiada] orang.
- SS : Adakah encik percaya bahawa golongan belia akan berminat tentang seni replika ini?
- WNWA : Kurang. sebab saya selalu kata, “sapa sapa ada masa marilah belajar, sementara aku ada lagi” Sekarang kalau Yayasan Sultan Mizan bagi satu ribu satu bulan elaun, masa zaman saya dulu dua ribu empat belas lebih kurang 400 ringgit, tapi budak budak tak [tidak] minat.
- SS : Adakah encik berpuas hati dengan hasil replika yang dihasilkan oleh para pelajar encik?
- WNWA : Hasil dia alhamdulillah. Tapi puas hati setakat pembuatan, kalau nak pergi pasaran luar takboleh la (*Ketawa*) sebab apabila kita buat sesuatu replika ni, saya ni, masuk dalam alam dia, sebab kalau dia nak beli, saya cerita satu satut di situ orang menarik, gini gini [begini begini], kalau setakat orang pandai buat pun, takleh [tidak boleh] nak cite [cerita] sebab dia kena masuk dalam alam kapal layar ni.

SS : **Adakah encik masih mempunyai impian yang masih belum dilaksanakan sebagai seorang pembuat replika seni?**

WNWA : Impian? (*ketawa*) takdak [tiada] impian la (*ketawa*) Cuma skerang ni saya ada satu kapal layar, jadi kadang kadang saya rasa nak buat charter[sewa], nak bagi orang merasai macam mana orang berlayar, taktahulah, tapi belum buat lagi, saya akan buat bulan enam ni, saya akan bawa student umt pergi ke pulau bidong, selama tiga hari. biasa tiap tahun, dulu saya pergi dengan kapal layar Monsun Cup yang UMT (Universiti Malaysia Terengganu) sewa dengan kerajaan negeri, dua buah. Tiap taip taun saya pergi, sekarang saya dah ada kapal layar saya senidri, dia (Universiti Malaysia Terengganu) sewa saya, jadi saya pergi tiga buah la.

SS : **berapa anggaran pelajar yang ikut?**

WNWA : dia macamni, siapa yang amik course [kursus] bahagian sailing [berlayar], wajib ikut, mungkin dalam tujuh orang, satu buah kapal layar

SS : **Sekiranya encik sudah bersara pada masa hadapan, adakah encik masih berminat untuk meneruskan bengkel sekiranya terdapat golongan remaja yang ingin menceburi seni replika ini?**

WNWA : Inshallah, kalau saya sihat, inshaallah, tapi buat masa sekarang alhamdulillah sihat lagi la.

SS : **Mengapakah encik berasa bahawa seni replika kapal ini sangat penting untuk diteruskan oleh generasi muda?**

WNWA : Sebabnya benda ni [ini] dikira barang tradisi, kita sebab budak budak sekarang tak tahu [tidak tahu], boat [kapal] macam mana orang dulu berlayar, sebab orang dulu berlayar tak [tidak] pakai enjin, semua pakai angin menggunakan angin.

SS : **Apakah usaha yang encik lakukan untuk menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang seni replika?**

WNWA : Kalau kata nak usaha ni, kadang tak usaha jugak la. kabo gitu la [beritahu], kalau nk usaha ni kita gi [pergi] bengkel, biasanya kadang kadang saya selau mengajar macamni. Yayasan pembagunan global, dia panggil kita hok [yang] daerah Besut, daerah Maran, dia panggil kita untuk gi [pergi] mengajar. kalau ikut kita, malas nak offer [tawar], kalau orang panggil, kita gi [pergi]

SS : **Apakah harapan encik terhadap bengkel ini sekiranya encik telah bersara pada masa akan datang?**

WNWA : Taktahula [tidak tahu] ingat terkubur la (*Ketawa*)

SS : **Sebelum menamatkan sesi temu bual ini, adakah terdapat sebarang kata kata dari encik terhadap golongan muda mengenai seni replika perkapalan?**

WNWA : Kalau bolehlah, kita taknak [tidak mahu] benda ini terkubur la, sebab ni hak tradisi kita saya hara pada ala org2 muda baru nak belajar dgn saya, untuk ganti saya bila bila. Pasal benda lain semua ada belaka (pengganti) . contohnya mcm Pulau Duyong, termpat yang termahsyur buat kapal layar, sekarang takdak [tiada] orang amik alih

SS : **Kiranya kalau encik dah bersara, kapal ni memang nak simpan sini ataupun nak jual ke, letak muzium ke?**

WNWA : Tak tapi kerja macam ini seboleh boleh taknak [tidak mahu] bersara, sampai ke akhir hayat. Sekarang saya ingat saya dekat tujuh puluh tahun dah, tapi kita buat jugak. Itu salah satu hobi kita tapi kerja ni [ini] sebenarnya kita takdak [tiada] income [pendapatan] lain, kita takboleh nak menyara hidup kita, sebab benda ini bukan tiap tiap bulan, kita kena ada sumber lain.

#### **TAMAT BAHAGIAN 8**

Penutup: [rakam selepas temubual]

Dengan ini, tamatlah sesi temubual mengenai biografi mengenai Encik Wan Nordin Wan Abdullah, seorang tokoh dalam bidang seni replika perkапalan. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan Kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang perkапalan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# **LAMPIRAN**

# **LOG WAWANCARA**

## LOG WAWANCARA

Wan Nur Ayuni binti Wan Mohd Zin dan Nur Shuhaila binti Mohd Shuhaimi menemubual Encik Wan Nordin bin Wan Abdullah atau lebih dikenali dengan Ayah Wan, lahir pada tahun 1955 merupakan seorang pembuat replika kapal layar yang terkenal di Terengganu. Temubual ini dijalankan melalui kaedah bersemuka untuk menemubual mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pembuat replika. Temubual dijalankan di bengkel beliau sendiri di Pulau Duyong, Terengganu.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
01:23	Menceritakan tentang biodata beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Wan Nordin bin Wan Abdullah</li> <li>● Pak Hasyim atau Ayah Wan</li> <li>● 1955 / 68 tahun</li> <li>● Normah</li> </ul>
02:11	Menceritakan tentang nama ibu bapa serta adik beradik	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Terengganu</li> <li>● 8 orang adik beradik, anak ketiga</li> </ul>
02:59	Menceritakan tentang anak anak beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● 5 orang,</li> <li>● 2 orang masih tinggal bersama</li> </ul>
03:23	Menceritakan tentang tempat kelahiran beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Lahir di Pulau Duyong</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN</b>		
05:11	Menceritakan tentang pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meminati matapelajaran lukisan</li> <li>● Merupakan seorang atlet</li> <li>● Meminati sukan bola sepak, sepak takraw, bola jaring,pingpong serta balapan dan padang</li> </ul>
06:45	Menceritakan tentang tempat persekolahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sekolah rendah: Sekolah Rendah Duyong</li> <li>● Sekolah Menengah: Sekolah Menengah Panji Alam</li> </ul>
07:17	Menceritakan tentang kenangan manis ketika di zaman persekolahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memenangi kejohanan bola sepak antara sekolah</li> </ul>
<b>BAHAGIAN 3: BIDANG KERJAYA (AWAL)</b>		

07:55	Menceritakan tentang kerjaya awal beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pernah menjadi kapten</li> <li>● Ketika berumur 30-an</li> <li>● Bekerja sebagai kontrak – kontrak terakhir bersama Duyong Marina Resort (2017)</li> </ul>
09:34	Menceritakan kenangan manis ketika menjadi kapten	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pernah bekerja bersama United Nation sebagai pembawa bot</li> </ul>

#### BAHAGIAN 4: BIDANG KERJAYA (SEMASA)

10:09	Menceritakan bagaimana beliau memulakan kerjaya sebagai pembuat replika kapal layar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memulakan karier dengan berlayar</li> <li>● Memulakan kerjaya sebagai pembuat kapal layar pada tahun 80-an</li> </ul>
11:54	Menceritakan tentang kenangan pembuatan replika kapal layar pertama	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Replika pertama dibeli oleh rakyat England</li> <li>● Mendapat inspirasi dari kapal layar sebenar</li> <li>● Mengambil masa selama sebulan hingga sebulan setengah</li> <li>● Pada tahun 1987, ketika kelahiran anak pertama beliau.</li> </ul>
13:53	Menceritakan tentang anggaran harga replika serta jenis kayu yang digunakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● RM 500, pada zaman dahulu</li> <li>● RM 3,500 pada zaman kini</li> <li>● Kayu jelutong dan kayu cengal</li> </ul>
15:17	Menceritakan tentang pengalaman menerima tempahan dari pelanggan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pernah menerima tempahan dari pelanggan namun dibatalkan</li> <li>● Tidak pernah megambil wang deposit ketika menerima tempahan</li> <li>● Pernah membuat sampan sebenar untuk kegunaan filem</li> <li>● Menerima tempahan dari rakyat New Zealand, Amerika, Perancis, Australia, Jerman, Afrika Selatan</li> </ul>
17:13	Menceritakan tentang komponen dan peralatan di dalam replika kapal layar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mempunyai dapur, kabin, stor dan lain lain.</li> <li>● Mengambil inspirasi dari kapal layar yang sebenar</li> </ul>
18:57	Menceritakan tentang replika kapal layar kegemaran beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Diberi nama “Perahu Besar Negeri Terengganu Abad ke-18”</li> </ul>

22:21	Menceritakan pengalaman beliau ketika memandu uji kapal layar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Dari Terengganu ke Thailand.</li> <li>● Dari Terengganu ke Singapore, Indonesia</li> </ul>
-------	---	---

#### **BAHAGIAN 5: BENGKEL**

22:56	Menceritakan tentang pengalaman sepanjang membuka bengkel replika kapal layar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pernah menerima lawatan dari pihak luar seperti media dan sebagainya</li> <li>● Menggunakan kewangan sendiri</li> <li>● Membuka kursus kepada pelajar Universiti Malaysia Terengganu (rabu dan khamis)</li> <li>● Pernah bernaung di bawah Yayasan Sultan Mizan</li> </ul>
25:46	Menceritakan tentang pengalaman sepanjang menjadi tenaga pengajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Jumlah pelajar – 60 orang (bergantung kepada kapasiti pelajar yang megabit matapelajaran marin)</li> <li>● Memulakan menjadi tenaga pengajar pada tahun 2014</li> <li>● Mempunyai seorang pembantu – warga Syria</li> <li>● Durasi masa – 3 ke 4 jam</li> <li>● Pernah membuat kelas di UMT tetapi pihak UMT tidak mencukupi alatan.</li> </ul>

#### **BAHAGIAN 6: CABARAN**

31:12	Menceritakan tentang cabaran dalam menjadi seorang pembuat replika seni	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Tidak menerima sebarang bantahan ketika ingin membuka bengkel</li> <li>● Tidak mempunyai pengalaman kemalangan ketika pandu uji</li> <li>● Pelajar menggunakan alatan manual bagi mengelakkan kemalangan berlaku.</li> </ul>
-------	---	---

#### **BAHAGIAN 7: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN**

33:16	Menceritakan pengalaman beliau sepanjang di dalam bidang replika kapal layar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menyertai Perbadanan Kraftangan Negeri Terengganu</li> <li>● Menyertai aktiviti hari kraf tangan Malaysia</li> <li>● Menyertai pertandingan kapal layar – Pertandingan Monsun Cup</li> </ul>
-------	--	---

34:19	Menceritakan pencapaian beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menjadi johan di dalam pertandingan Colonial Cup</li> <li>● Harga replika termahal – RM15,000</li> <li>● Menjual replika berharga RM 8,000 kepada Sultan Selangor</li> </ul>
-------	--------------------------------	---

#### **BAHAGIAN 8: NASIHAT DAN HARAPAN**

34:19	Nasihat dan harapan oleh beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Berharap agar ada generasi muda belajar tentang seni replika</li> <li>● Berpuas hati dengan hasil karya anak didik beliau</li> </ul>
37:17	Menceritakan hasrat beliau	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Berhasrat untuk memberi peluang kepada orang untuk merasai pengalaman berlayar</li> <li>● Berhasrat supaya golongan muda menceburi bidang seni replika</li> </ul>
40:52	Sesi temubual tamat	

# **DIARI KAJIAN**

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
8.00 am – 10.00 am	27 Mac 2023	<p>Kami diberi penerangan oleh pensyarah, Puan Nurulannisa tentang tajuk kajian serta memberikan garis panduan (<i>guideline</i>) di dalam Google Classroom.</p> <p>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang atau kumpulan.</p>	Membuat catatan seperti apa yang perlu dilakukan sebelum, semasa dan selepas temubual.
2:00 pm	27 Mac 2023	Mendapatkan pautan <i>Google Form</i> daripada pensyarah untuk memperoleh surat pengesahan projek pelajar.	Mengisi maklumat tentang projek apa yang dijalankan di dalam borang tersebut
11.00 am	2 April 2023	Mendapat surat pengesahan projek pelajar daripada pihak BHEA Kelantan melalui email.	
9.00 am	5 April 2023	Mencari tokoh di yang sesuai dengan tajuk kajian untuk ditemu bual	
3.30 pm	9 April 2023	Mendapatkan pengesahan tokoh oleh Puan Nurulannisa	Mendapat persetujuan dari pensyarah untuk meneruskan projek
8.00 pm	16 April 2023	Mencari maklumat tokoh di laman sosial media untuk mendapatkan no telefon tokoh.	Mencari maklumat tentang tokoh di Facebook dan berjaya mendapatkan no telefon beliau.
11.00 am.	19 April 2023	Menghubungi tokoh melalui aplikasi Whatsapp untuk mendapatkan persetujuan beliau untuk ditemuramah.	Mendapatkan tarikh yang sesuai untuk ditemubual
9.00 pm	2 Mei 2023	Membuat 100 soalan untuk ditemubual, bersesuaian dengan kerjaya tokoh.	Mula merangka soalan yang bersesuaian untuk diajukan kepada tokoh

11:40 am	17 Mei 2023	Mendapatkan pengesahan soalan daripada pensyarah	Berbincang dan membetulkan soalan
2.40 pm	18 Mei 2023	Menunjukkan semula soalan yang ingin ditujukan kepada tokoh	Soalan diluluskan oleh pensyarah.
2.00 pm-4.00pm	20 Mei 2023	Temubual Bersama tokoh, Encik Wan Nordin Wan Abdullah dijalankan di Pulau Duyong, Terengganu.	Temubual dijalankan.
9.00 am	20 Julai 2023	Proses penyiapkan transkrip	
10.00 pm	31 Ogos 2023	Transkrip penuh selesai	Transkrip penuh dihantar kepada pensyarah

# **SENARAI SOALAN**

## **SENARAI SOALAN**

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

1. Bolehkah kami tahu nama penuh encik dan nama samaran encik?
2. Berapakah umur encik pada tahun ini?
3. Bolehkah kami tahu nama isteri encik?
4. Siapakah nama ibu dan bapa encik?
5. Dari negeri manakah ibu dan bapa encik berasal?
6. Berapakah bilangan adik beradik encik?
7. Encik merupakan anak ke berapa di antara adik beradik encik?
8. Adakah encik mempunyai adik beradik yang paling rapat?
9. Berapakah bilangan anak anak encik?
10. Adakah anak anak encik masih tinggal bersama encik?
11. Apakah makanan kegemaran encik?
12. Dimanakah tempat kelahiran encik? Adakah encik berasal dari negeri Terengganu ataupun encik telah berhijrah dari negeri lain?
13. Bolehkah encik senaraikan nama anak anak encik?
14. Pada tahun berapakah encik mendirikan rumah tangga encik?
15. Adakah adik beradik encik tinggal di kawasan sekitar atau di negeri lain?

### **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

16. Tahun bilakah encik memulakan persekolahan?
17. Apakah matapelajaran yang encik minati semasa di sekolah rendah?
18. Adakah encik masih mengingati guru kegemaran encik sewaktu di sekolah dan mengapa encik meminati beliau?
19. Adakah encik mempunyai rakan karib semasa di sekolah dan adakah encik masih berhubung dengan beliau?
20. Adakah encik pernah menceburi bidang sukan semasa di sekolah? Jika pernah apakah sukan yang encik ceburi?

21. Adakah encik masih ingat dimanakah encik bersekolah? Jika ya, bolehkah encik senaraikan nama nama yang pernah encik bersekolah?
22. Tahun bilakah encik menamatkan pengajian encik?
23. Apakah kenangan manis yang paling diingati oleh encik ketika di peringkat sekolah menengah?
24. Adakah cita cita encik ketika di zaman persekolahan?
25. Adakah encik aktif dalam mana mana kelab persatuan ketika di zaman persekolahan?

#### **BAHAGIAN 3: BIDANG KERJAYA (AWAL)**

26. Adakah encik mempunyai kerjaya lain sebelum menceburi bidang ini?
27. Berapakah umur encik ketika itu?
28. Mengapakah encik memilih untuk bersara dari pekerjaan yang sebelum ini?
29. Adakah encik mempunyai sebarang kenangan manis ketika bekerja di situ?
30. Apakah jawatan yang encik sandang ketika bekerja di sana?

#### **BAHAGIAN 4: BIDANG KERJAYA (SEMASA)**

31. Sejak bilakah encik menceburi bidang replika perkapalan layar?
32. Sejak bilakah encik sedar bahawa encik mempunyai bakat dalam bidang perkapalan ini?
33. Berapa lamakah masa yang diambil oleh encik untuk mahir dalam bidang ini?
34. Apakah replika pertama yang encik hasilkan?
35. Dari manakah encik mendapat inspirasi untuk menghasilkan replika pertama encik?
36. Berapakah masa yang diambil untuk menghasilkan replika pertama encik?
37. Tahun bilakah replika pertama encik dihasilkan?
38. Siapakah yang mendorong encik untuk terus menghasilkan replika replika sehingga kini?

39. Adakah replika encik masih diterima pada masa kini? Terutamanya pada generasi muda.
40. Adakah encik memulakan karier seni di Pulau Duyung ataupun di tempat lain?
41. Berapakah anggaran harga untuk setiap replika yang encik hasilkan?
42. Apakah perbezaan kayu yang digunakan dalam setiap replika encik?
43. Berapakah anggaran modal yang encik tetapkan dalam hasil replika encik?  
Adakah ia berbeza mengikut saiz kayu, jenis kayu, dan komponen lain yang diperlukan?
44. Adakah encik melakukan pandu uji kapal encik sebelum menjual kepada pelanggan. Jika ya, kawasan manakah yang encik biasa layari?
45. Jika ketika arah angin terlalu kuat, adakah encik encik membatalkan padu uji tersebut ataupun terdapat laluan lain yang akan digunakan?
46. Adakah encik pernah berpengalaman mendapat tempahan tetapi dibatalkan pada saat akhir? Apakah yang encik lakukan?
47. Semasa menerima tempahan, adakah encik mengambil wang pendahuluan?
48. Apakah replika terbesar yang encik pernah lakukan?
49. Bolehkah encik menerangkan setiap komponen yang digunakan dalam hasil replika encik?
50. Adakah encik pernah menerima tempahan dari luar negara?
51. Berapakah jenis jenis kapal layar yang terdapat di sini?
52. Apakah replika yang paling digemari encik sepanjang tempoh kerjaya encik?
53. Berapakah anggaran kapal yang mampu disiapkan dalam tempoh 6 bulan?
54. Adakah encik pernah bertukar tukar idea bersama rakan seperjuangan semasa proses penghasilan replika ini?
55. Berapa tahunkah encik berkecimpung dalam dunia seni replika ini?
56. Dalam proses menghasilkan replika encik, pada pukul berapakah encik memulakan proses tersebut?
57. Adakah encik mempunyai sebarang gambar kenangan apabila hasil replika encik diterokai oleh orang luar?
58. Bagaimanakah encik mendapat kekuatan atau semangat dalam menyiapkan satu hasil replika encik?

59. Adakah kerjaya encik ini sememangnya bermula dari encik ataupun ianya hasil warisan turun temurun dari keluarga?
60. Adakah adik beradik encik turut terlibat dalam bidang yang sama? Jika ada, berapa orang yang terlibat?
61. Adakah encik pernah berpengalaman mempunyai masalah kewangan ketika menyiapkan replika encik?
62. Hasil dari pencarian kami, encik pernah menganjurkan Piala Monsun (Monsun Cup) dan dipertanggungjawabkan untuk menjadi seorang petugas teknikal. Adakah terdapat sebarang kenangan ketika menjadi petugas teknikal untuk acara tersebut?
63. Dimanakah tempat yang paling digemari ketika encik menjalankan pandu uji kapal encik?
64. Adakah encik menggunakan sebarang barang kitar semula dalam menyiapkan kapal?

## **BAHAGIAN 5: BENGKEL**

65. Adakah encik menerima kunjungan atau lawatan dari pihak luar ke bengkel encik?
66. Berapakah kos yang encik keluarkan untuk membina bengkel ini?
67. Adakah encik membuat sebarangan pinjaman dari pihak bank untuk membina bengkel encik?
68. Adakah membuka sebarang kursus untuk menyertai cara pembuatan replika kapal layar untuk orang ramai?
69. Berapakah kursus yang encik tawarkan di bengkel encik?
70. Berapakah harga yang encik tetapkan untuk menyertai kursus yang encik tawarkan di bengkel?
71. Berapakah jumlah pelajar yang menyertai kursus di bengkel encik sekarang?
72. Tahun bilakah encik membuka peluang kepada masyarakat untuk belajar seni replika kapal?

73. Berapakah anggaran umur peserta atau pelajar yang encik terima untuk mengikuti kursus di bengkel encik?
74. Bagaimanakah encik membahagikan para peserta dalam setiap kursus? Adakah encik membahagikan kumpulan secara rawak atau mengikuti peringkat umur?
75. Adakah encik mempunyai tenaga pengajar yang lain?
76. Adakah encik mengadakah kelas bengkel encik setiap hari minggu atau pada hujung minggu sahaja?
77. Berapakah tempoh durasi kelas dalam bilik encik?
78. Adakah encik membuat kelas tersebut di bengkel ataupun di tempat lain?
79. Adakah bengkel encik menyediakan alat untuk menghasilkan replika tersebut? Ataupun pelajar pelajar perlu menyediakannya dengan tanggungan sendiri?
80. Pada tahun bilakah encik membuka bengkel ini?
81. Bagaimanakah perasaan encik sekiranya ada pelajar encik yang mengikuti jejak langkah encik sebagai seorang pembuat replika seni?
82. Adakah encik yakin dan percaya bahawa hasil replika yang dihasilkan oleh pelajar encik dapat dimasukkan dalam pasaran setanding dengan pengreplika yang sudah berpengalaman?
83. Mengapakah encik memilih lokasi untuk mendirikan bengkel di sini? Apakah ciri ciri strategik yang ada disini sehingga encik memilih lokasi ini sebagai lokasi bengkel encik?

#### **BAHAGIAN 6: CABARAN**

84. Apakah pandangan dan penerimaan orang di sekeliling ketika encik berniat untuk membuka bengkel ini?
85. Semasa pandu uji, pernahkah encik berpengalaman terjadinya kemalangan kecil atau besar? Jika ya, bolehkah encik ceritakan pengalaman tersebut.
86. Adakah encik mempunyai sebarang insiden yang tidak diingini ketika menghasilkan replika seperti kayu yang digunakan tidak bersesuaian dengan saiz replika tersebut? Apakah tindakan encik terhadap replika tersebut?

87. Adakah pelajar pelajar di bengkel encik senang untuk menerima konsep pelajaran dan pembelajaran yang encik gunakan dalam mengajar mereka?
88. Jika berlaku sebarang kemalangan kecil di dalam bengkel, adakah pihak encik bertanggungjawab ke atas kemalangan tersebut?
89. Adakah encik berpengalaman mempunyai masalah apabila berurusan bersama pelanggan?
90. Adakah encik mempunyai masalah sukar berkomunikasi bersama pelanggan dari luar negara?

#### **BAHAGIAN 7: SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN**

91. Adakah encik terlibat dalam sebarang persatuan mengenai seni replika ini?
92. Adakah encik terlibat aktiviti penghasilan replika kapal layar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa?
93. Adakah encik pernah menyertai sebarang pertandingan yang melibatkan seni kapal layar?
94. Adakah encik masih aktif bergiat dalam menyertai sebarang pertandingan sehingga kini?
95. Apakah pencapaian tertinggi encik pernah kecapi ketika menyertai pertandingan?
96. Berapakah harga replika termahal yang pernah encik hasilkan?

#### **BAHAGIAN 8: NASIHAT DAN HARAPAN**

97. Apakah harapan encik terhadap seni replika pada masa akan datang?
98. Adakah encik percaya bahawa golongan belia akan berminat tentang seni replika ini?
99. Adakah encik berpuas hati dengan hasil replika yang dihasilkan oleh para pelajar encik?

100. Adakah encik masih mempunyai impian yang masih belum dilaksanakan sebagai seorang pembuat replika seni?
101. Sekiranya encik sudah bersara pada masa hadapan, adakah encik masih berminat untuk meneruskan bengkel sekiranya terdapat golongan remaja yang ingin menceburi seni replika ini?
102. Mengapakah encik berasa bahawa seni replika kapal ini sangat penting untuk diteruskan oleh generasi muda pada zaman kini supaya ianya tak lapuk ditelan zaman?
103. Apakah usaha yang encik lakukan untuk menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang seni replika?
104. Apakah harapan encik terhadap bengkel ini sekiranya encik telah bersara pada masa akan datang?
105. Sebelum menamatkan sesi temu bual ini, adakah terdapat sebarang kata kata dari encik terhadap golongan muda mengenai seni replika perkapalan?

# **SURAT PERJANJIAN**



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... Wan Nordin Bin Wan Abdullah ..... K/R:....., pada  
20 May 2023 ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kerakal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakanan dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Miskumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakur oleh penyelidik-penyalidik.

(Nama tokoh: Wan Nordin Bin Wan Abdullah  
Tarikh: 20 May 2023

(Nama Penyayari: Nurul Arissa Binti Abdullah)  
b.p. Periclong Naib Canselor  
Pengajian Sains Miskumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

# **GAMBAR**



Figure 1: Penyerahan cenderamata kepada Encik Wan Nordin Wan Abdullah




Figure 2: Penyerahan cenderamata kepada Encik Wan Nordin Wan Abdullah



Figure 3: Sesi temubual




Figure 4: Replika Kapal Layar termahal hasil

karya Encik Wan Nordin Wan Abdullah



Figure 5: Replika kapal layar




Figure 6: Replika kapal layar buatan tangan Encik Wan Nordin Wan Abdullah



Figure 7: Sijil penghargaan daripada pihak IIUM



Figure 8: Encik Wan Nordin menunjukkan hasil karya yang terdapat di bengkel beliau



Figure 9: Bergambar bersama karya beliau




Figure 10: Antara hasil karya replika di bengkel beliau



Figure 11: Hasil karya beliau



Figure 12: Plat penghargaan



Figure 13: Piala kejohanan yang disertai beliau





Figure 14: Sijil penghargaan dari pihak

Unit Sukan Pendidikan Khas Daerah Segamat




Figure 15: Proses penyiapan replika kapal layar




Figure 16: Gambar kenangan bersama pihak Australia



Figure 17: Keratan akhbar mengenai Encik Wan Nordin bersama pembantu beliau



Figure 18: Sijil penghargaan



Figure 19: Sijil penghargaan daripada pihak Australia



Figure 20: Sijil penghargaan

## INDEKS

<b>A</b>		<b>N</b>	
Australia	13, 36, 59, 60	Nasihat	29, 38, 48
Anggaran	11, 14, 20, 22, 30, 36, 45, 47		
<b>B</b>		<b>O</b>	
Bengkel	13, 14, 17, 18, 19, 23, 24, 25, 31, 35, 37, 46, 47, 48, 49	Orang	2, 3, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 21, 24, 25, 26, 29, 30, 31, 32, 35, 37, 38, 40, 45, 46, 47
Berasal	2, 3, 16, 43		
Berlayar	9, 10, 18, 29, 30, 31, 36, 38		
<b>C</b>		<b>P</b>	
Cara	14, 17, 25, 46	Pandu uji	9, 12, 15, 25, 37, 45, 46, 47
		Pencapaian	28, 38, 48
		Pengalaman	1, 15, 23, 25, 35, 36, 37, 38, 47
		Perahu	13, 14, 29, 36
		Pertama	3, 9, 10, 26, 36, 44
<b>D</b>		<b>R</b>	
Dalam	1, 5, 6, 7, 9, 10, 1, 1, 1, 3, 14, 15, 18, 20, 21, 22, 23, 25, 24, 27, 28, 29, 30, 32, 36, 38, 40, 44, 45, 46, 48	Ramai	5, 17, 19, 20, 46
		Replika	9, 27, 31, 35, 36, 37, 46, 48, 49, 54, 58

<b>F</b>		<b>S</b>	
Filem	12,13, 19, 36	Sama	15, 29, 46
		Seni	14, 20, 27, 30, 31, 32, 38, 45, 46, 48, 49
		Simpan	13, 32
<b>G</b>		<b>T</b>	
Generasi	29, 31, 38, 45, 49	Tahun	1, 5, 7, 9, 10, 14, 18, 19, 20, 22, 30, 32, 35, 36, 37, 43, 44 ,45, 46, 47
		Tempat	3, 9, 13, 15, 23, 24, 35, 43, 45, 46, 47
<b>H</b>		<b>U</b>	
Harapan	29, 31, 32, 38, 48, 49	Universiti	18, 21, 22, 23, 30, 37
Harga	11, 19, 28, 36, 38, 45, 46, 48		
Hari	1, 14, 18, 21, 22, 27, 30, 37, 47		
<b>K</b>		<b>W</b>	
Kapal	1, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 20, 21, 22, 24, 27, 29, 30, 31, 32, 35, 36, 37, 45, 46, 48, 49 54, 58	Wawancara	32, 34, 35
Kayu	11, 16, 19, 25, 26, 36, 45, 47	Warisan	15, 38, 46
Kawasan			
Kira	4, 43, 45		
Kursus	1, 2, 5, 7, 14, 17, 18, 20, 21, 22, 32		
	17, 1,8 19, 20, 21, 30, 37, 46, 47		

<b>L</b>	<b>Z</b>
Latar	1, 5, 35, 43
<b>M</b>	Zaman
Macam	5, 7, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 18, 19, 21, 22, 24, 25, 27, 28, 30, 32
Makanan	3, 9, 10, 12, 43
Masa	6, 9 ,10, 11, 12, 13, 14, 15, 18, 22, 26, 29, 30, 31, 32, 36, 37, 44, 45, 48, 49
Masuk	5, 10, 18, 28, 29, 47